

**UCAPAN PENGARAH PENGURUSAN DAN KEWANGAN SELAKU PENERUSI
DI MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KESIHATAN ' BODY CHALLENGE 2 '**
**DAN PERASMIKAN GYM PEJABAT DAN RUANG LEGAR SERI UTAMA
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
PADA HARI SABTU 26 JAMADILAKHIR 1435 H / 26 APRIL, 2014 M**

Bismillahir Rahmannir Raheem

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya
bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (dan Datin)

Yang Mulia,

Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam
Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-
Sufri

Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama

Yang Mulia,

Timbalan-Timbalan dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap

Yang Mulia,

Ketua-ketua Jabatan

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan

Para Jemputan Khas

Para Motivator

Para Peserta Program serta

sekalian yang hadir di Majlis ini

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Selawat dan Salam keatas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallahu'Alaihi Wassalam, Kaum Kerabat, Para Sahabat dan Pengikut-Pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita panjatkan berbanyak-banyak syukur ke hadhrat Allah Subahanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, inayah serta izinNya jua membolehkan kita semua dapat berkumpul pada petang ini bagi menghadiri Majlis Pelancaran Program Kesihatan yang di namakan 'Body Challenge 2' bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan dibawahnya yang mana akan sekaligus diselajurkan dengan perasmian Gym Pejabat dan Ruang Legar Seri Utama dibangunan ini. Sebelum itu, izinkan peramba/kaola/saya untuk terlebih dahulu mengalu-alukan kehadiran dan seterusnya ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Tetamu Kehormat di majlis ini yang seterusnya akan melancarkan ' Body Challenge 2 ' dan merasmian Gym Pejabat dan Ruang Legar Seri Utama sebentar lagi.

Program kesihatan 'Body Challenge 2' adalah merupakan salah satu daripada aktiviti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran akan perimustahaknya mengamalkan dan membudayakan cara hidup yang sihat dengan fokus kearah menggalakkan wargakerja kementerian ini untuk menurunkan berat badan yang berlebihan melalui beberapa aktiviti yang disediakan oleh pihak penganjur di dalam program ini. Matlamatnya adalah untuk melihat wargakerja kementerian ini yang sentiasa sihat, cergas dan produktif serta dapat mengawal dan membebaskan diri daripada gejala berat badan berlebihan dan obesiti, sekaligus dapat menghindarkan daripada dihinggapai berbagai jenis penyakit tidak berjangkit seperti paras kalestrol yang tinggi, kencing manis, darah tinggi, sakit jantung dan lain-lainnya.

Program ini adalah untuk menandai dan mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Upacara Perasmian Majlis Ilmu 2012 yang diadakan bersempena dengan Hari Keputeraan Baginda Yang ke 66 Tahun pada 11 September, 2012 dimana Baginda di majlis tersebut antara lainnya telah bertitah :

“ Kesihatan yang optima tidak syak lagi membolehkan seseorang individu itu menunaikan kewajipan dunia dan akhiratnya dengan sempurna. Warga yang sihat akan dapat

memainkan peranan lebih cergas, lebih produktif dan efektif untuk masyarakat dan negara.”

“Salah satu kaedah kawalan dan pencegahan itu ialah melalui pengamalan cara hidup sihat.”

“Kerajaan beta adalah berharap untuk melihat rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai tahap kesihatan yang optima.

Namun ini, hanyalah mungkin dicapai, jika setiap individu dan masyarakat sama-sama menyedari dan mengambil berat perkara-perkara kesihatan itu. ”

Disamping itu program kesihatan ‘Body Challenge 2’ ini adalah juga dihasratkan untuk membantu Kementerian Kesihatan kearah merealisasikan Visi 2035 iaitu ‘ Bersama Ke Arah Warga Sihat ’ dengan mempromosikan kesedaran untuk mengamalkan cara hidup sihat terutama sekali pengawalan dan pencegahan berat badan berlebihan serta selaras dengan matlamat Program ‘AFIAH Kementerian Kesihatan yang di lancarkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat, Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin, Tuan-Tuan, Puan-Puan serta sekalian yang hadir di majlis ini,

Program kesihatan 'Body Challenge 2' ini adalah merupakan kali kedua diadakan di kementerian ini dalam mana program yang sama pernah diadakan sebelum ini iaitu pada tahun 2010/2011. Berbeza dengan program terdahulu itu, 'Body Challenge' yang dianjurkan pada kali ini telah disusun dengan lebih lengkap serta menarik yang mana aktiviti-aktiviti yang diadakan bukan menjerus kepada aktiviti senaman semata-mata tetapi juga aktiviti riadah, permakanaan sihat serta beberapa siri taklimat motivasi dari pakar-pakar di bidang permakanaan dan juga pengalaman daripada beberapa individu yang telah berjaya mengurangkan berat badan mereka yang berlebihan. Disamping itu beberapa kelengkapan gym juga turut disediakan yang bertujuan bagi membolehkan dan memudahkan peserta-peserta program ini untuk melakukan aktiviti-aktiviti bagi mengurangkan berat badan pada bila-bila masa terluang. Gym pejabat ini, insyaAllah, akan turut sama dirasmikan pada petang ini.

Alhamdulillah, 'Body Challenge 2' pada kali ini yang bermula pada 11 Februari, 2014 lalu dan akan berakhir pada 31 Ogos, 2014 nanti telah mendapat sambutan yang sangat-sangat menggalakkan daripada wargakerja kementerian ini dimana sebanyak 126 peserta telah mengikutinya yang terdiri daripada peserta lelaki dan juga peserta perempuan. Peserta-peserta ini telahpun dibahagikan kepada 18 kumpulan dengan setiap kumpulan disediakan seorang atau dua orang motivator bertujuan untuk memberikan galakkan kepada peserta dikumpulan berkenaan kearah mencapai berat badan yang disasarkan.

Syabas diucapkan kepada semua wargakerja kementerian ini diatas kesedaran dan kesediaan mereka untuk mengikuti program kesihatan ini. Peramba/kaola/saya percaya dengan kesabaran, semangat, komitmen serta disiplin yang tinggi di dalam mengikuti aktiviti-aktiviti dan amalan permakanan yang diserankan didalam program ini secara yang berterusan, para peserta akan berjaya dalam mencapai impian penurunan berat badan masing-masing yang dihayatkan.

Pada kesempatan ini, peramba/kaola/saya selaku Pengerusi dan bagi mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa serta sekalian wargakerja kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan sukacitanya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khusus ditujukan kepada Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Datin Hajah Norlina binti Dato Paduka Haji Abu Bakar diatas initiative, sokongan, penglibatan serta berterusan yang begitu tinggi nilainya dalam menjayakan program kesihatan 'Body Challenge' ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga tidak lupa diucapkan kepada Kementerian Kesihatan khususnya daripada Bahagian Pusat Promosi Kesihatan yang sentiasa memberikan sokongan serta bantuan yang diperlukan, kepada individu-individu peseorangan

yang dijemput dalam memberikan taklimat-taklimat motivasi, pegawai-pegawai yang dilantik selaku motivator dan kepada sesiapa jua yang telah sama-sama terlibat dalam menjalankan program ini,

Buat akhirnya sekali lagi diucapkan sebanyak-banyak terima kasih diatas kehadiran Yang Berhormat Pehin Menteri selaku Tetamu Kehormat (beserta Datin), juga kepada Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, para jemputan khas, peserta-peserta program serta sekalian yang hadir yang telah sama-sama dapat memariahkan acara pada petang ini.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakaatuh

Yang Mulia,

Dr Dayang Hajah Rahmah binti Haji Said

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal)

Kementerian Kesihatan

Yang Mulia,

Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd Jaafar

Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan)

Kementerian Kesihatan

Yang Mulia,

Dr Hajah Norhayati binti Haji Kassim

Ketua Pusat Promosi Kesihatan

Yang Mulia,

Dr James Lee Moh Kiang

Awang Willson Lai Boon How

Awang Nelson Dennis

Pusat Promosi Kesihatan